

TAJUK:

SEJARAH PERKEMBANGAN "RUMAH KEDAI" (SHOPHOUSES) DI BANDAR
KOTA BHARU, KELANTAN DARULNAIM.

Oleh:

Nik Arfini b. Haji Nik Yusoff

Diploma Senibina, Tahun 4,

Satu Kajian Akhir ini adalah sebagai memenuhi sebahagian
dari syarat-syarat untuk penganugerahan DIPLOMA SENIBINA.

Jabatan Senibina,

Kajian Senibina, Perancangan & Ukur,

Institut Teknologi MARA,

40450, Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan

Jun 1988

Daftar kandungan;

- Pengesahan
- Penghargaan
- Prakata

i

ii

BAB 1

- 1.0 Sinopsis
- 1.1 Pendahuluan
 - 1.1.1 Definasi Kajian
 - 1.1.2 Pemilihan tapak kajian
 - 1.1.3 Kepentingan Kajian
 - 1.1.4 Skop Kajian
 - 1.1.5 Metodologi Kajian
- 1.2 Laporan Am
- 1.3 Kesimpulan dan rumusan
- 1.4 Bahagian rujukan
- 1.5 Lampiran

BAB 2

- 2.0 Pendahuluan Am
- 2.1 Sejarah Tanah Melayu
- 2.2 Rumah Kedai di Semenanjung Tanah Melayu

BAB 3

- 3.0 Penganalisaan
- 3.1 Perkembangan sejarah Negeri Kelantan
- 3.2 Faktor yang mempengaruhi senibina "Rumah Kedai"
 - 3.2.1 Pengaruh Cina
 - 3.2.2 Pengaruh Barat

BAB 4

- 4.0 Sejarah pengenalan bandar Kota Bharu.
- 4.1 Kota Bharu dalam bentuk mukabuminya
 - 4.1.1 Kedudukan
 - 4.1.2 Saiz
 - 4.1.3 Perhubungan
 - 4.1.4 Iklim
- 4.2 Sejarah keujudan Kota Bharu
- 4.3 Aspek kebudayaan dan kemajuan ekonomi
- 4.4 Kedudukan bandar Kota Bharu dari segi sejarah perkembangannya
 - 4.4.1 Kota Bharu sebelum tahun 1900
 - 4.4.2 Kota Bharu sekitar tahun 1900 - 1910
 - 4.4.3 Kota Bharu mulai tahun 1910 hingga sekarang

1.0 SINOPSIS

Tajuk: Sejarah perkembangan 'rumah kedai'
(shophouses) di Bandar Kota Bharu.

1.1 Pendahuluan

1.1.1 Definisi kajian

Kajian adalah diistilahkan sebagai kaji selidik atau membuat pengkajian khusus terhadap sesuatu yang mempunyai nilai sejarah dan asal-usulnya. Perkembangan sejarah adalah amat penting diketahui oleh kita semua kerana ianya akan dapat menerangkan apa yang selama ini tersembunyi disebalik bahan kajian kita itu. Oleh itu, dengan adanya kajian yang lebih terperinci ini, maka kita akan mengetahui dan lebih faham akan keadaan yang sebenarnya berlaku dari kesan sejarah ini.

1.1.2 Pemilihan tapak kajian.

Bandar Kota Bharu adalah sebuah bandar yang sedang menuju ke arah bandar yang moden. Di samping itu, bandar Kota Bharu juga merupakan ibu negeri Kelantan Darulnaim dan diketahui bahawa bandar ini merupakan sebuah bandar persinggahan bagi para pedagang yang datang di timur iaitu negeri China menuju ke barat. Jalan yang utama pada masa itu adalah jalan laut dan menaiki kapal dagang atau tongkang besar.

Kedudukan bandar Kota Bharu ini begitu strategik kerana ianya terletak di pinggir sungai Kelantan dan muara sungai Kelantan. Oleh itu, maka bandar Kota Bharu

telah menjadi satu tempat perghuhung yang maju. Satu lagi yang menjadi tarikan yang utama kepada para pedagang ialah sikap orang Melayu terhadap orang asing. Para penduduk memberi layanan yang istimewa kepada mereka. Penduduk di sini juga mengamalkan kehidupan yang ringkas dan konsep 'bermasyarakat' yang mana ini akan memberi satu keuntungan dan kepesatan terhadap ekonomi Tanah Melayu dan juga para pedagang. Dengan ini juga maka lahirlah satu generasi yang aman dan maju tanpa mengira apa juga bangsa dan agama. Perkembangan ini telah membuka jalan kepada semua yang datang ke Kota Bharu untuk terus menetap di sini.

Mereka akan membina rumah kediaman mereka sambil bertujuan untuk berniaga. Rumah yang mereka bina itu mempunyai dua fungsi iaitu untuk berniaga dan kediaman mereka dan ianya dikenali sebagai 'rumah kedai'.

1.1.3 Kepentingan kajian

Perkembangan 'rumah kedai' ini masih lagi belum diketahui akan sejarah perkembangannya melalui sejarah. Kajian ini akan lebih condong kepada pembangunan sebuah bandar dengan adanya sumber-sumber yang memperkenalkan tradisi lama. Fungsinya cara pembinaannya termasuk bahagian bangunan pada plannya yang asal arahnya (kedudukannya) dan juga apakah hubungannya yang ujud serta konsep perumahan ini.